

**NO. SOALAN: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9381**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada permohonan visa atas talian telah dikontrakkan kepada satu syarikat iaitu [windowmalaysia.my](http://windowmalaysia.my). Sila nyatakan latar belakang syarikat terbabit dan bilakah kontrak bermula. Jika ada syarikat lain, sila nyatakan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Window Malaysia adalah sebuah portal dalam talian dan lanjutan daripada Visa Malaysia yang menyediakan pendekatan bersepadu untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab pelancongan, pendidikan, perniagaan & pelaburan, pelancongan kesihatan, dan Malaysia Rumah Keduaku (MM2H). Pembangunan laman web ini dilaksanakan oleh syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) sebagai salah satu obligasi pihak syarikat seperti yang termaktub dalam kontrak sistem Visa Luar Negara (VLN). VLN dibangunkan oleh syarikat UKSB melalui kontrak yang bermula pada 28 Februari 2014 sehingga 27 Februari 2019.**